

07/05/2002

Kerajaan sedia laksana sekolah aliran Inggeris

Wan Hazmir Bakar; Abdul Halim Yusoff; Kandau Sidi

KUALA LUMPUR, Isnin - Kerajaan sedia mewujudkan semula sistem sekolah aliran Inggeris jika rakyat mahukannya, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Jika rakyat mahukannya sudah tentu...sebagai kerajaan yang demokratik, kita akan melayannya," kata beliau pada sidang akhbar selepas menyampaikan ucap-tama pada Mesyuarat Agung Antarabangsa ke-35 Majlis Ekonomi Lembangan Pasifik (PBEC) di sini, hari ini.

Dr Mahathir diminta mengulas saranan pelbagai pihak termasuk Persekutuan Majikan Malaysia (MEF) supaya sekolah aliran bahasa Inggeris diwujudkan semula kerana sistem itu dikatakan terbukti berjaya melahirkan generasi yang cekap berbahasa Inggeris.

Langkah itu bertujuan membolehkan rakyat menguasai bahasa Inggeris sebagai bahasa ilmu dan diguna pakai di seluruh dunia, sekali gus melangkah ke sektor pekerjaan dengan cukup bersedia dan berdaya saing.

Perdana Menteri berkata, kerajaan juga bertanggungjawab menerangkan kepada rakyat jika sesuatu perkara gagal, seperti kelemahan sistem sekarang.

Dr Mahathir berkata, akibat kurangnya penekanan kepada bahasa Inggeris, kerajaan mendapati mereka yang tidak menguasai bahasa itu gagal untuk bersama dalam arus pembangunan sejagat.

"Kita mesti mengatasi kelemahan ini dan cara bagaimana kita mahu menanganinya terpulang kepada kita," katanya.

Sementara itu, Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Abdul Aziz Samsuddin, berkata walaupun kerajaan menyambut baik cadangan itu, ia sukar dilaksanakan dalam tempoh terdekat berikutan kekurangan ketara guru bahasa itu di seluruh negara.

Beliau berkata, kini hanya ada kira-kira 1,000 guru bahasa Inggeris dan jumlah itu tidak mencukupi berbanding permintaan, terutama di sekolah luar bandar.

Kementerian, katanya, serius terhadap masalah penguasaan bahasa Inggeris oleh pelajar dan sedang mengenal pasti kaedah yang boleh diguna bagi memastikan penguasaan bahasa Inggeris dapat disemai terhadap pelajar seawal Tahun Satu.

"Cadangan mewujudkan semula sekolah aliran Inggeris memang baik, namun kita menghadapi kekurangan guru bahasa Inggeris. Lagipun, tidak ramai guru bahasa Inggeris berminat bertugas di luar bandar walaupun ia tidak sepatutnya berlaku.

"Ini menyukarkan lagi keadaan dan jika situasi ini berterusan, kita tidak menolak kemungkinan memanggil semula guru bahasa Inggeris yang bersara untuk berkhidmat semula dengan kerajaan," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan seminar anjuran Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) di Putrajaya hari ini.

Abdul Aziz berkata, penguasaan bahasa Inggeris perlu diberi tumpuan seawal Tahun Satu kerana pada peringkat itu, pelajar lebih mudah menerima dan mempelajarinya berbanding pada peringkat lain.

Beliau berkata, apabila kerajaan memberi penekanan untuk meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris, ia tidak meminggirkan bahasa kebangsaan.

"Pelbagai pihak tidak seharusnya merasa malu apabila rakyat mampu menguasai dua bahasa ilmu yang boleh meningkatkan minda pelajar.

"Bahasa Melayu tetap menjadi bahasa utama manakala bahasa Inggeris adalah bahasa kedua penting," katanya.

Sementara itu, Naib Canselor UPSI, Prof Datuk Dr Mohamad Noor Salleh berkata, mulai sesi akan datang universiti itu mewajibkan pengambilan dua subjek bahasa Inggeris bagi bakal guru.

Langkah itu, katanya, sebahagian usaha universiti menggalak dan meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris bakal guru.

Persatuan Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia (PMUKM) pula mencadangkan kajian menyeluruh terhadap sukatan dan corak pengajaran serta pembelajaran bahasa Inggeris pada semua peringkat persekolahan, termasuk maktab dan universiti.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan persatuan itu, langkah berkenaan perlu bagi mengelakkan perubahan yang dilakukan tidak memberi implikasi negatif terhadap perkembangan bahasa kebangsaan.

Tiga cadangan lain turut dikemukakan ialah menambah jam kredit bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris peringkat universiti kerana selama ini persepsi mahasiswa adalah cukup untuk mereka sekadar lulus saja.

Ia perlu dijadikan subjek wajib pada peringkat matrikulasi atau Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) hingga ke peringkat tahun akhir pengajian.

Sebahagian besar kuliah perlu dijalankan dalam bahasa Inggeris, terutama dalam kursus profesional dan teknikal secara beransur-ansur, selain mewajibkan sebahagian soalan peperiksaan akhir semester menggunakan bahasa Inggeris.

Bagi peringkat sekolah, persatuan itu mencadangkan sebahagian mata pelajaran Sains dan Matematik dan subjek teknikal lain dalam bahasa Inggeris pada semua peringkat persijilan, bagi memahirkan pelajar berkomunikasi dalam bahasa itu.

(END)